



TEKS UCAPAN

YBHG PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL

NAIB CANSELOR UTM

**MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PENGEKALAN STATUS SWAAKREDITASI
UTM**

TARIKH: 11 APRIL 2021

MASA: 8.30 PAGI

DEWAN ALUMNI

UTM JOHOR BHARU

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Selamat pagi

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

و على آله وصحبه أجمعين

Yang Berbahagia Professor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),

Yang Berusaha Professor Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti) MQA,

Yang Berusaha Professor Ts Ir Dr Zainuddin Bin Abdul Manan, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UTM)

**Yang Berusaha Professor Dr Shamsul Bin Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar),*

**Yang Berusaha Professor Dr. Mohd Hamdan Bin Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan),*

Pegawai-pegawai Kanan Universiti, dif-dif jemputan, tuan-puan, dan Hadirin hadirat sekalian,

Syukur ke hadrat Allah taala, pada pagi yang indah lagi barakah ini, kita dapat berkumpul di Majlis Penyerahan Sijil Pengekalan Status Swaakreditasi kepada UTM dan program libat sama bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) siri ke 2.

Bagi pihak UTM, saya mengalu-alukan dan merakamkan penghargaan terima kasih di atas kesudian Ketua Pegawai Eksekutif MQA, YBhg. Professor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran dan Yang Berusaha Professor Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari hadir ke UTM hari ini bagi menyampaikan sijil pengekalan status Swaakreditasi kepada UTM dan seterusnya menyampaikan perkongsian dalam program libat sama MQA-UTM.

Kehadiran kedua-dua tokoh penting dalam Jaminan Kualiti di Malaysia sangat bermakna untuk kita semua.

Hadirin sekalian,

UTM telah dianugerahkan status swaakreditasi pada 29 Mac 2013. Dengan status swaakreditasi ini, UTM melalui Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRiM) telah menjalankan hampir 300 akreditasi dan audit yang meliputi **akreditasi sementara, akreditasi penuh, audit pematuhan dan audit premis** kepada program-program diperingkat kursus asas (foundation), Diploma, Diploma Eksekutif, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

Pengurusan Tertinggi UTM dan Senat sentiasa memastikan audit dan akreditasi di bawah status swaakreditasi ini dijalankan dengan telus, berkredibiliti, berintegriti, cekap dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan standard yang berkaitan. Jawatankuasa Akreditasi Universiti (JKAU) yang keahliannya terdiri daripada staf akademik yang berpengalaman dan berkecuali telah ditugaskan untuk membuat penilaian secara komprehensif kepada setiap proses dan laporan audit dan akreditasi yang dijalankan.

Penilaian Pematuhan Status Swaakreditasi telah dilaksanakan pada 22-23 Oktober 2018 di Kampus Johor Bahru dan pada 25 Oktober 2018 di Kampus Kuala Lumpur. Penilaian ini telah dijalankan berdasarkan kepada kriteria dan standard yang baharu di mana ianya mengandungi empat (4) bidang yang komprehensif berbanding dengan sembilan (9) bidang dalam penilaian terdahulu. UTM berbangga kerana telah dipilih sebagai institusi pertama yang menggunakan kriteria dan standard baharu ini.

Kejayaan UTM mengekalkan status swakreditasi adalah kelangsungan daripada kejayaan UTM mengekalkan Tier 6 dalam SETARA 2019. Kedua-dua kejayaan ini menggambarkan keberkesanan UTM dalam melaksanakan fungsi utama universiti iaitu Pembelajaran, Pengajaran, Penyelidikan dan Perkhidmatan. UTM juga berbangga walaupun dalam tempoh pandemik Covid-19, Kadar Kebolehpasaran Graduan (GE) UTM bagi tahun 2020 ialah 92% dan terdapat beberapa program yang mencapai hampir 100% GE.

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Bagi memastikan graduan UTM terus relevan untuk tempoh yang mendatang, UTM telah mengwujudkan perancangan strategik sehingga tahun 2025 yang dikenali sebagai UTM enVision 2025. Sebanyak lapan (8) sasaran diwujudkan dan beberapa KPI telah ditetapkan untuk semua PTJ mulai tahun 2021 untuk mencapai sasaran ini sehingga tahun 2025.

Dalam amanat tahun baharu 2021, saya telah merumuskan bahawa semua KPI yang perlu dicapai dalam tahun 2021 kepada The Big (#5) Things yang meliputi perbagai aspek. Untuk memastikan semua KPI yang telah dirancang tercapai, pemantauan yang berterusan melalui Sistem Pengurusan Kualiti UTM (SPK UTM) yang mula digunakan pakai pada tahun 2020 telah dilaksanakan.

Saya percaya berbekalkan kepada nilai utama (core values) UTM iaitu Integriti, Sinergi, Kecemerlangan dan Kelestarian (ISES), UTM berupaya untuk terus menjalankan amanah yang diberikan oleh MQA untuk melaksanakan swaakreditasi dan audit kepada program akademik di UTM dengan lebih berkesan.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua warga UTM yang telah bekerja keras dan menyumbang kepada kejayaan UTM untuk mengekalkan status swaakreditasi ini.

Akhir kata saya ingin merakamkan sekali lagi penghargaan terima kasih kepada YBhg. Professor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran Ketua Pegawai Eksekutif MQA dan Yang Berusaha Professor Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti) MQA yang sudi hadir ke UTM walaupun sepatutnya hari ini ialah cuti hujung minggu untuk mereka berdua.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيقُ والهداية،

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته